

BAB KELIMA

MASALAH DALAM TARBIYAH PARTI ISLAM SE-MALAYSIA DI TANJONG MALIM PERAK

5.1 Pengenalan

Tarbiyah memainkan peranan yang penting dalam mendidik masyarakat, khususnya pimpinan dan ahli PAS ke arah memahami Islam yang syumul. Perwakilan PAS Pahang, Mokhtar Senik, ketika membahaskan ucapan Ketua Dewan Ulama PAS Pusat,¹ Dato' Muhammad Daud Iraqī, di Dewan Perbandaran Ipoh, Perak menggesa Dewan Ulama PAS Pusat (DUPP) mengembalikan urusan pentarbiyahan dalam parti secara lebih berkesan bagi melahirkan golongan yang mempunyai fikrah yang jelas selaras dengan perjuangan parti itu. Gesaan itu dilakukan memandangkan berlakunya permasalahan dalam penyusunan tarbiyah dari segi sukatan dan kesan *tarbiyah* itu sendiri.²

Masalah dalam *tarbiyah* dilihat turut berlaku kepada PAS di Tanjong Malim. Masalah tersebut adalah berkaitan dengan pelaksanaan *manhaj tarbiyah*, tahap pendidikan masyarakat, kuantiti dan kualiti para *nuqabā'*, perhubungan dan keselamatan di kawasan Tanjong Malim, kepelbagaian kaum dan agama, kekurangan institusi

¹ Ucapan Dasar Ketua Dewan Ulama PAS Pusat di Mu'tamar Dewan Ulama PAS Pusat kali ke 54 pada 14 Ogos 2008.

² Rujuk Dewan Ulama PAS Pusat (DUPP) dituntut untuk mengembalikan keberkesanan tarbiyah dalam laman web <http://www.pas.org.my/>.

pendidikan agama, kekurangan pimpinan dan aktivis tempatan, keberkesanan pengurusan dan pelaksanaan aktiviti *tarbiyah* di Tanjung Malim.

Justeru itu, perbincangan dalam bab ini adalah untuk mengenal pasti masalah yang dihadapi oleh PAS di Tanjung Malim, Perak dalam melaksanakan aktiviti *tarbiyah*. Untuk tujuan tersebut, metode kajian yang digunakan adalah melalui kaedah temu bual, pemerhatian dan dokumentasi sebagaimana yang dijalankan pada bab keempat.

5.2 Masalah Dalam Tarbiyah PAS di Tanjong Malim

Masalah adalah sesuatu yang memerlukan penyelesaian. Ia juga bermaksud perkara atau keadaan yang menimbulkan kesukaran (kesulitan).³ Berikut adalah beberapa masalah yang dihadapi oleh PAS kawasan Tanjong Malim dalam melaksanakan aktiviti *tarbiyah* di kawasan tersebut.

5.2.1 Dana Yang Terhad

Kewangan yang teguh adalah menjadi faktor yang menyumbang kepada kejayaan program dakwah dan *tarbiyah* PAS. PAS dari dahulu hingga sekarang banyak bergantung kepada sumbangan ahli bagi meneruskan survival perjuangan jama'ah tersebut. Ahli PAS yang komited akan menginfak dan mewaqafkan harta benda dan wang ringgit mereka untuk perjuangan Islam. Konsep suka bersedekah, menginfak, menderma dan menyumbang adalah sifat yang mulia dalam Islam, di mana banyak ayat al-Qur'an yang

³ Dewan Bahasa dan Pustaka (2005), *op.cit.*, edisi keempat, h. 1001.

menceritakan tentang kelebihan sifat tersebut.⁴ Mereka juga meletakkan *thiqah* (kepercayaan yang tinggi) kepada pimpinan untuk menguruskan kewangan jama'ah. Hakikat tersebut dapat diperhatikan semasa pelaksanaan program PAS, khususnya program *tarbiyah*, di mana ahli akan menyalurkan sumbangan mereka kepada PAS dalam pelbagai bentuk, seperti sumbangan bulanan, sumbangan wajib, kutipan derma, tabung pendidikan dan sebagainya. Namun, sumbangan kewangan yang terhad boleh menjejaskan agenda *tarbiyah* dan pelaksanaan program *tarbiyah*, termasuklah di kawasan Tanjong Malim.

Menurut Zainal Asmawi, masalah kewangan adalah antara masalah utama yang berlaku kepada PAS di kawasan Tanjong Malim. Masalah itu juga bukan hanya berlaku kepada ahli, sebaliknya turut menimpa pimpinan PAS kawasan Tanjong Malim. Beliau mendedahkan bahawa pernah berlaku pergeseran dalaman antara pimpinan PAS apabila pemegang amanah yang diamanahkan menjaga kewangan jama'ah bertindak menyalahgunakan kewangan tersebut. Masalah juga berlaku kerana faktor ekonomi, di mana kewangan ahli tidak teguh dan tiada pekerjaan tetap. Sehubungan itu, setiap pimpinan parti dan jama'ah diwajibkan menghadiri program *tarbiyah* bagi mendidik mereka menjadi pimpinan yang baik dan tidak mudah terdedah kepada habuan dunia. Walau pun mereka banyak membantu PAS kawasan, namun mereka juga disarankan agar berusaha dengan gigih dalam memajukan diri sendiri dan tidak bergantung sepenuhnya kepada bantuan orang lain.⁵

⁴ Al-Qur'an, *sūrah al-Baqarah* 2 : 3, *sūrah al-Anfāl* 8 : 3, *sūrah al-Hajj* 22 : 35 dan *sūrah al-Taubah* 9 : 111.

⁵ Temu bual dengan Zainal Asmawi pada 10 November 2009, hari Selasa di rumah beliau di Felda Besout 2, Sungkai, Perak.

Abdul Salam Abdullah menyatakan bahawa ahli akan menghulurkan sumbangan wajib kepada PAS kawasan Tanjong Malim. Sumbangan juga diwajibkan kepada PAS cawangan. Sumbangan dan derma inilah yang telah menghidupkan PAS kawasan hingga sekarang. Namun, kekuatan sumbangan kewangan yang bergantung sepenuhnya kepada sumbangan ahli ini kadang kala bermasalah kerana keperluan PAS kawasan adalah berbeza-beza pada masa dan program yang tertentu. Bagi memastikan program dan aktiviti PAS kawasan, khususnya program *tarbiyah* dapat dijalankan, maka pelaksanaannya banyak dilakukan secara jama'ah, muafakat, kerjasama dan gotong royong sahaja.⁶

Nik Abdul Hadi Raja Abdullah pula menjelaskan bahawa ahli PAS yang berjuang dalam jama'ah ini pasti akan diuji oleh Allah s.w.t dengan kesempitan hidup dan masalah kewangan, kerana mereka akan menyumbang dan menderma harta benda dan wang ringgi yang dimiliki kepada jama'ah. Situasi ini akan dihadapi oleh ahli yang berpendapatan isi rumah yang kecil, bekerja sendiri dan tidak mempunyai pendapatan yang tetap, seperti buruh kelapa sawit, penoreh getah, pekerja kilang dan peneroka Felda dan Risda. Ini kerana PAS tidak mempunyai kewangan tetap yang kukuh dan teguh.⁷

Kesimpulannya, masalah kewangan akan membantutkan pergerakan ahli dan menjejaskan kelancaran program dan aktiviti *tarbiyah*. Namun, sebagai sebuah jama'ah Islam yang bersifat '*amal jamā'ī*', maka PAS kawasan Tanjong Malim berjaya mengatasi

⁶ Temu bual dengan Abdul Salam Abdullah pada 22 Jun 2010, hari Selasa di rumah beliau di Kampung Kuala Slim, Slim River, Perak.

⁷ Temu bual dengan Nik Abdul Hadi bin Raja Abdullah pada 30 Jun 2010, hari Rabu di rumah beliau di Rumah Guru SMK (F) Besout, Sungkai, Perak. Jam 5.30 ptg.

masalah tersebut melalui sumbangan-sumbangan ahli dan individu, serta pelaksanaannya pula secara sederhana sahaja.

5.2.2 Tempat Program Yang Terhad

Kekuatan *tarbiyah* dalam PAS dapat direalisasikan melalui pelaksanaan program-program *tarbiyah* kepada ahli dan masyarakat. Sesebuah kawasan yang aktif dan rancak dengan pelbagai program dan aktiviti *tarbiyah* sebenarnya itulah kawasan yang berjaya menjadikan *tarbiyah* sebagai satu kewajipan dan keperluan ahli dan masyarakat. Namun, kekurangan tempat dan lokasi yang sesuai untuk mengadakan program tersebut secara tidak langsung mengganggu kelancaran *tarbiyah* di kawasan Tanjong Malim.

Mohd Tarmizi Abdul Rahman menyatakan bahawa markas *tarbiyah* PAS kawasan Tanjong Malim pernah berpindah sebanyak 7 kali, iaitu semenjak PAS kawasan berada di bawah pimpinan Adam Zainal Abidin pada tahun 1978 hingga beliau menerajui dan memimpin jamā'ah tersebut pada tahun 2009. Ekoran daripada masalah kekurangan tempat atau lokasi program, di samping kekangan daripada kerajaan UMNO dan BN di Perak yang tidak membenarkan program dan aktiviti PAS dijalankan secara terbuka, maka PAS mempunyai ruang yang cukup sempit untuk melaksanakan program, khususnya program *tarbiyah*. Justeru itulah, bagi memperbanyakkan tempat program PAS, maka beliau telah mengambil inisiatif mengasingkan markas *tarbiyah* PAS kawasan Tanjong Malim daripada markas DPPK Tanjong Malim pada tahun 2009.⁸

⁸ Temu bual dengan Mohd Tarmizi Abdul Rahman pada 23 Jun 2010, hari Rabu di rumah beliau di Taman Seroja, Slim River, Perak.

Abdul Gani Ibrahim pula menjelaskan bahawa DPPK Tanjong Malim telah menyewa sebuah premis perniagaan untuk dijadikan markas *tarbiyah*. Bayaran sewa markas setiap bulan adalah sebanyak RM 750.00 dan ditanggung oleh derma wajib Ajk DPPK dan pimpinan PAS kawasan ini. PAS kawasan Tanjong Malim juga turut menyewa sebuah premis perniagaan yang lain untuk dijadikan markas *tarbiyah* PAS kawasan, dan mengharapkan sumbangan dan infak wajib pimpinan dan ahli serta PAS cawangan.⁹

Sementara itu, Mohd Desa Zakaria¹⁰ menjelaskan bahawa kebanyakan PAS cawangan tidak mempunyai markas. Keadaan ini berlaku disebabkan beberapa faktor, iaitu berpunca daripada masalah kepimpinan, kewangan, kerjasama dan kekuatan cawangan itu sendiri. Terdapat cawangan yang diterajui oleh kepimpinan yang lemah sehingga mengurangkan rasa hormat, percaya dan *thiqah* ahli kepadanya. Apabila keadaan ini berlaku, sesebuah cawangan itu dianggap bermasalah kerana tidak wujud ketaatan dan *walā'* kepada kepimpinan yang menyebabkan segala perancangan yang dirancangan tidak terlaksana. Pelbagai program, aktiviti, mesyuarat sehinggalah kepada penubuhan markas sukar dijalankan di cawangan tersebut, ditambah pula dengan masalah kewangan dan kurangnya kerjasama di kalangan ahli. Beliau menambahkan lagi bahawa keadaan akan bertambah malang apabila tiada ahli yang sanggup menjadikan rumah mereka sebagai lokasi program. Situasi ini pernah berlaku dalam PAS cawangan,

⁹ Temu bual dengan Abdul Gani Ibrahim pada 20 Mac 2010, hari Sabtu di pejabat DPPK Tanjong Malim, Slim River, Perak pada jam 5.00 ptg.

¹⁰ Beliau berasal dari Bagan Serai, Perak. Merupakan peneroka Felda Besout 4 sejak tahun 1988. Berkhidmat sebagai Imam di Masjid Salamuddin, Felda Besout 4. Dilantik sebagai Ketua Cawangan sejak beberapa penggal yang lalu. Pernah dilantik sebagai Ajk PAS kawasan Tanjong Malim. Rumah beliau seolah-olah markas PAS cawangan kerana banyak program PAS yang dijalankan di sana.

termasuklah cawangan Besout 4, di mana program PAS hanya berlangsung di rumah beliau atau Timbalan Ketua Cawangan, iaitu Osman Abdul.¹¹

Ringkasnya, markas *tarbiyah* diperlukan oleh PAS kawasan dan cawangan bagi melaksanakan program dan aktiviti *tarbiyah*. Ketiadaan markas dan tempat yang sesuai sudah tentu akan menjejaskan perancangan PAS itu sendiri, terutamanya program *tarbiyah* yang banyak dilaksanakan untuk ahli, seperti program *usrah*, *madrasah*, *katibah*, *tamrīn*, *daurah* dan mesyuarat.

5.2.3 Kekangan Masa

Pengurusan masa yang cekap adalah antara kunci kejayaan sesebuah jama'ah. Perkara ini telah disebut dengan jelas oleh Allah s.w.t dalam *surah al-'Asr*, di mana Allah s.w.t telah bersumpah dengan masa. Ahli Majlis Syura dan *murabbi* PAS, iaitu Dato' Yahya Othman¹² cukup mengambil berat dan prihatin dengan pengurusan masa. Namun kekangan masa, terutamanya di kalangan pimpinan PAS kawasan Tanjong Malim ternyata telah mengganggu kelancaran *tarbiyah* di kawasan ini.

¹¹ Temu bual dengan Mohd Desa Zakaria pada 14 Julai 2010, hari Rabu di Sekolah Agama Rakyat al-Falāhiah di Felda Besout 4, Sungkai, Perak pada jam 3.00 ptg.

¹² Beliau mendapat pendidikan Islam di Mekah dan Universiti al-Azhar. Pernah berkhidmat sebagai pensyarah dan Timbalan Pengetua YPTIK, Nilam Puri sebelum bertanding dalam pilihanraya pada tahun 1978. Beliau menjadi ADUN Labok pada tahun 1990 dan 1995. Beliau juga dilantik sebagai Exco Pendidikan dalam kerajaan negeri Kelantan pada tahun 1990 hingga 1995. Dalam PAS, beliau pernah menyandang jawatan sebagai Yang Dipertua PAS kawasan Machang selama 20 tahun, Setiausaha dan ahli Majlis Syura Ulama PAS Pusat, Ajk Dewan Ulama PAS Pusat, Ajk PAS Pusat, pengasas Ma'ahad al-Da'wah wa al-Imāmah, pengasas Kolej Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra (KIAS), dan pengasas dan Pengarah Institut al-Nūr. Di peringkat antarabangsa, beliau pernah menjadi wakil World Assembly of Muslim Youth (WAMY) bagi kawasan Asia Pasific sejak 1974 hingga 1978. Beliau diamanahkan sebagai *Murabbī* PAS sejak tahun 1983 dan telah melaksanakan tanggungjawab tersebut dengan penuh dedikasi bersama Pengerusi Lajnah Tarbiyah dan Latihan Kepimpinan PAS Pusat, Dato' Seri Abdul Hadi Awang. Yahya Othman (2009), *op. cit.*, cetakan kedua, h. 3.

Menurut Nik Abdul Hadi Raja Abdullah, sebagai penjawat awam yang berkhidmat dalam sektor kerajaan, beliau sentiasa mempunyai masa yang terhad. Oleh itu, beliau perlu merancang aktiviti jama'ah, tugas di sekolah, urusan keluarga dan peribadi secara terancang dan teratur agar segala urusan dapat dilaksanakan dengan jayanya. Pada hari persekolahan, beliau akan berada di sekolah sehingga jam 2.30 petang (waktu persekolahan biasa) atau jam 5.00 petang (jika ada kelas tambahan atau aktiviti sekolah). Pada sebelah petangnya, beliau yang menjawat jawatan sebagai Naib Yang Dipertua dan *naqib* PAS kawasan akan bergegas menghadiri pelbagai program PAS. Keadaan ini akan berlanjutan sehingga pada waktu malam, di mana mesyuarat dan perjumpaan di pelbagai peringkat biasanya diadakan di markas *tarbiyah* PAS kawasan atau cawangan pada sebelah malam. Perhubungan yang jauh antara rumah dan markas juga merupakan antara ujian yang dihadapi oleh pimpinan seperti beliau, di mana masa yang diperlukan untuk sampai ke markas adalah lebih kurang satu jam. Program *usrah*, ceramah, *ijtimā'* dan *katībah* juga turut diadakan pada waktu malam. Situasi seumpama ini bukan hanya berlaku kepada beliau yang bertugas sebagai guru di salah sebuah sekolah di Felda, sebaliknya turut dialami oleh mana-mana pejuang dan aktivis PAS yang berkhidmat sebagai penjawat awam dalam sektor kerajaan.¹³

Zainal Asmawi menyatakan bahawa beberapa orang pimpinan PAS kawasan memenuhi kriteria sebagai seorang pemimpin. Antaranya ialah berpendidikan agama dan memiliki pengetahuan yang tinggi serta banyak membantu melaksanakan program PAS kawasan Tanjong Malim, termasuklah program *tarbiyah*. Namun disebabkan beberapa

¹³ Temu bual dengan Nik Abdul Hadi bin Raja Abdullah pada 30 Jun 2010, hari Rabu di rumah beliau di Rumah Guru SMK (F) Besout, Sungkai, Perak pada Jam 5.30 ptg.

masalah yang berlaku, seperti kekangan kewangan dan pengurusan yang kurang cekap menyebabkan kepimpinannya dipertikaikan oleh sesetengah pihak. Tambahan pula, pimpinan tersebut sentiasa di luar kawasan bagi menampung keperluan peribadi sehingga gagal menghadiri program dan aktiviti PAS kawasan, walau pun keluar untuk menyampaikan kuliah dan ceramah agama kepada masyarakat, namun tindakannya yang meminggirkan kawasan sendiri jelas dipandang sangsi dan dilihat oleh ahli sebagai lebih mementingkan periuk nasi sendiri. Beliau juga menyatakan bahawa pimpinan tersebut pernah tidak menghadiri mesyuarat agung PAS kawasan kerana mempunyai urusan peribadi di luar kawasan dan mewakilkan kepada orang lain, walau pun beliau adalah sebahagian daripada pimpinan tertinggi PAS kawasan Tanjong Malim.¹⁴

Harisah Sidek pula menjelaskan bahawa kaum muslimat juga adalah sebahagian daripada golongan yang diuji dengan perjuangan Islam. Sebahagian besar daripada mereka bergelar isteri dan ibu mempunyai tanggungjawab dan amanah yang besar dalam jama'ah. Ini kerana jama'ah Islam seperti PAS mempunyai tujuan yang jelas dalam memperjuangkan negara Islam yang didahului dengan pembentukan individu muslim dan diikuti pula dengan rumahtangga Islam. Kedua-dua peranan ini banyak dijalankan oleh kaum Hawa yang merintis dan merealisasikan proses *tarbiyah* bermula dari rumah berbanding kaum bapa yang sibuk keluar mencari nafkah dan rezeki. Justeru itulah, kaum Hawa dan muslimat menghadapi kekangan masa yang berpanjangan dan turut menghadapi kesukaran untuk melaksanakan tugas jama'ah kerana terikat dengan tugas

¹⁴ Temu bual dengan Zainal Asmawi pada 10 November 2009, hari Selasa di rumah beliau di Felda Besout 2, Sungkai, Perak.

sebagai suri rumah, ibu, isteri dan pendidik di rumah, terutamanya bagi mereka yang memiliki cahaya mata yang masih kecil.¹⁵

Ringkasnya, kekangan masa yang dihadapi oleh beberapa golongan dalam PAS kawasan Tanjong Malim ternyata memberikan sedikit tempas kepada perjuangan jama'ah tersebut. Ini kerana khidmat bakti daripada aktivis PAS yang berkhidmat dalam sektor kerajaan dan peranan golongan muslimat sangat ditagih oleh PAS kawasan ini.

5.2.4 Kekurangan *Murabbī* dan Tenaga Penggerak

Murabbī ialah pimpinan *tarbiyah* yang diberikan mandat untuk merancang dan merealisasikan agenda *tarbiyah* dalam sesebuah jama'ah. Tanggungjawab *murabbī* sangat besar sehingga ia menjadi faktor yang menentukan kejayaan *tarbiyah* dalam sesebuah jama'ah. Kepincangan dan kelemahan seseorang *murabbī* akan mengakibatkan kecacatan pada *tarbiyah* yang dijalankan dan tidak akan mendatangkan kesan yang positif kepada jama'ah.

Zulqarnain Hassan menyatakan bahawa PAS kawasan Tanjong Malim juga turut berhadapan dengan masalah tersebut, seperti kekurangan *nuqabā'* dan *naqībāt* yang berkualiti. Para *nuqabā'* dan *naqībāt* yang dilantik oleh PAS kawasan ini hanya mengambil kira latar belakang pendidikan dan sedikit pengalaman dalam PAS tanpa merujuk kepada proses *tarbiyah* yang pernah dilalui. Keadaan ini disebabkan oleh

¹⁵ Temu bual dengan Harisah Sidek pada 22 Jun 2010, hari Selasa bertempat di kedai Hub Halal milik beliau di bandar Slim River, Perak.

beberapa faktor, iaitu kekurangan *nuqabā'* dan *naqībāt*, kekurangan masyarakat tempatan yang berpendidikan agama, ketiadaan pusat pengajian tinggi agama dan kelemahan kerajaan negeri Perak dalam menerapkan nilai-nilai murni dan ilmu agama kepada masyarakat tempatan yang menyebabkan masyarakat di sini jauh daripada mencintai ilmu agama dan menjadi masyarakat berilmu.¹⁶

Bagi Syed Zamzuri Syed Nengah pula, *murabbī* yang dimaksudkan dalam PAS ialah golongan yang berpendidikan dan berpengetahuan agama, mempunyai pengalaman yang luas dalam jama'ah, pernah mengikuti proses *tarbiyah* PAS, memiliki watak sebagai seorang pimpinan dan memiliki akhlak dan berbudi pekerti yang menjadi *role model* atau *qudwah ḥasanah* kepada pimpinan yang lain dan ahli serta masyarakat umum. *Murabbī* seumpama ini sukar didapati di kawasan Tanjong Malim. Walaupun sebahagian daripadanya memiliki ilmu pengetahuan yang tinggi dan pengalaman yang luas dalam jama'ah, namun hanya segelintir sahaja yang memiliki ketokohan sebagai *murabbī* atau kurang menonjolkan sahsiah sebagai seorang muslim. Lantaran itulah, PAS kawasan perlu melantik mana-mana individu yang dipercayai mempunyai kebolehan bagi menjadi *nuqabā'* dan pembantu program *tarbiyah*.¹⁷

Menurut Muhammad Asri Abdul Hamid, beliau mengakui kekurangan *murabbī* dan *nuqabā'* yang berlaku di kawasan Tanjong Malim. Buktinya ialah beliau sendiri dilantik sebagai salah seorang *naqīb* program *usrah* untuk PAS cawangan Besout 2,

¹⁶ Temu bual dengan Zulqarnain Hassan pada 17 Jun 2010, hari Khamis, jam 10.00 hingga 11.15 pagi di Bilik Ketua Jabatan Syariah, Kolej Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra (KIAS), Nilam Puri, Kota Bharu, Kelantan.

¹⁷ Temu bual dengan Syed Zamzuri Syed Nengah pada 01 November 2010, hari Isnin di Sekolah Agama Rakyat al-Hidayah di Behrang 2020, Behrang, Perak pada jam 5.15 ptg.

walaupun beliau tidak pernah mendapat pendidikan agama secara formal. Pada peringkat awal, beliau mengakui cuba menolak perlantikan tersebut kerana merasakan tidak layak untuk jawatan tersebut, namun pendedahan yang diterima daripada kursus dan bengkel yang dianjurkan oleh Lajnah Tarbiyah dan Kepimpinan PAS kawasan Tanjong Malim dan keyakinan terhadap ilmu yang dipelajari, beliau berjaya mempertingkatkan lagi pengetahuan agama dan berjaya menggerakkan program *usrah* lebih cemerlang.¹⁸

Tegasnya, *murabbī* memainkan peranan yang penting dalam menentukan hala tuju sesebuah jama'ah. Tambahan pula, bidang *'amal Islāmī* di seluruh dunia telah mengalami perkembangan yang pesat. Keadaan ini sudah tentu menimbulkan pelbagai masalah dalaman baru yang berpunca dari perbezaan fikrah, pendekatan dan tasawwur gerakan itu sendiri.

5.2.5 Tahap Pendidikan Masyarakat Yang Rendah

Program dan aktiviti *tarbiyah* yang akan dijalankan hendaklah sesuai dan selaras dengan tahap pendidikan masyarakat. Sasaran *tarbiyah* yang betul akan membolehkan PAS menentukan strategi *tarbiyah* yang tepat untuk dilaksanakan melalui program-program *tarbiyah* yang dirancang. Jika tahap pendidikan sesebuah masyarakat itu adalah tinggi dan *educated*, maka pengisian sesebuah program *tarbiyah* adalah lebih tinggi berbanding dengan masyarakat biasa. Sebaliknya jika tahap pendidikan masyarakat

¹⁸ Temu bual telefon dengan Muhammad Asri Abdul Hamid pada 28 Ogos 2010, hari Rabu pada jam 5.00 ptg.

rendah, maka pengisian program juga mestilah lebih rendah dan sesuai dengan tahap pendidikan mereka agar dapat diterima dengan baik tanpa tekanan.

Zulqarnain Hassan menyatakan bahawa tahap pendidikan masyarakat di kawasan Tanjong Malim, khususnya masyarakat di kawasan Felde adalah rendah.¹⁹ Justeru itu, program-program *tarbiyah*, seperti program *usrah* dilaksanakan dalam bentuk pengajian, manakala program lawatan (*reħlah tarbawiyah*), perkaderan (*tamrīn tarbawī*) dan perkhemahan (*mukhayyam tarbawī*) pula digabungkan menjadi satu program baru dengan pengisiannya dipermudahkan dan dimasukkan beberapa elemen yang sesuai bagi memudahkan ahli memahami dan mengikutinya dengan baik.²⁰

Kenyataan Zulqarnain Hassan turut disokong oleh Baharudin Ishak, di mana silibus *tarbiyah* yang dibekalkan oleh Lajnah Tarbiyah dan Perkaderan PAS Perak tidak digunakan sepenuhnya oleh PAS kawasan Tanjong Malim. Beliau turut menyatakan bahawa PAS kawasan ini tidak mampu untuk melaksanakan program *tarbiyah* secara berkala sebagaimana yang diarahkan oleh PAS Perak. Ini kerana ahli PAS kawasan ini baru berjinak-jinak dengan program *tarbiyah* dan penerimaan ahli terhadap *tarbiyah* masih di peringkat awal.²¹

¹⁹ Kawasan Tanjong Malim yang terletak di Selatan Perak terkenal sebagai sebuah kawasan pertanian kelapa sawit di Malaysia. Felde telah menubuhkan beberapa buah tanah rancangan di Felde Besout 1, Besout 2, Besout 3, Besout 4, Besout 5, Sungai Klah, Trolak Utara, Trolak Selatan, Trolak Timur dan Sungai Behrang. Felde Perladangan (Plantations) juga turut diwujudkan di Felde Besout 6 dan Besout 7. Selain itu, beberapa buah Felcra, seperti Felcra Changkat Sulaiman, Felcra Serigala, Ladang Kelapa Bali, Ladang Katoyang, Ladang Sungai Chinoh, Ladang Clunny dan sebagainya turut terdapat di kawasan ini.

²⁰ Temu bual dengan Zulqarnain Hassan pada 17 Jun 2010, hari Khamis, jam 10.00 hingga 11.15 pagi di Bilik Ketua Jabatan Syariah, Kolej Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra (KIAS), Nilam Puri, Kota Bharu, Kelantan.

²¹ Temu bual dengan Baharudin Ishak pada 20 Jun 2010, hari Ahad, jam 6.00 hingga 6.45 ptg di rumah beliau yang beralamat di Lot. 977, Klan 2, Slim River, Perak.

Menurut Syed Zamzuri Syed Nengah, program *ijtimā'* PAS kawasan Tanjong Malim diadakan dalam bentuk pengajian, di mana semua pimpinan dan ahli PAS akan menghadiri kuliah atau ceramah daripada pimpinan PAS Perak dan PAS Pusat, seperti Abdul Ghani Shamsuddin, Siddiq Noor, Misbahul Munir Masduki, Mohd Suaid Din dan Zaharudin Mohamad.²²

Tegasnya, bagi memastikan ahli PAS kawasan Tanjong Malim tidak fobia dan dapat menerima *tarbiyah* PAS dengan baik, maka Lajnah Tarbiyah dan Kepimpinan mempermudah lagi pengisiannya dan melaksanakannya secara fleksibel.

5.2.6 Kepelbagaian Kaum dan Agama

Malaysia adalah sebuah negara yang mempunyai masyarakat yang majmuk, iaitu berbilang kaum, seperti Melayu, Cina, India, Asli, Iban, dan lain-lain lagi, dan berbilang agama, seperti Islam, Buddha, Hindu, Kristian, Sikh, Taoisme, Konfucius, dan seumpamanya. Kepelbagaian kaum dan agama di Malaysia telah mengundang pelbagai perbezaan dari segi cara hidup, bahasa, budaya, adat, kepercayaan dan amalan. Walaupun ia bukan halangan bagi masyarakat untuk hidup bersatu padu, sejahtera, aman damai dan harmoni, namun sedikit sebanyak telah mengubah strategi dakwah dan *tarbiyah* di negara ini.

²² Temu bual dengan Syed Zamzuri Syed Nengah pada 01 November 2010, hari Isnin di Sekolah Agama Rakyat al-Hidāyah di Behrang 2020, Behrang, Perak pada jam 5.15 ptg.

Baharudin Ishak menjelaskan bahawa PAS kawasan Tanjong Malim lebih mengutamakan program kemasyarakatan dan sosial berbanding program *tarbiyah*, khususnya majlis ilmu. Keadaan ini mungkin kerana masyarakat di Tanjong Malim yang berbilang kaum, seperti kaum Melayu, Cina dan India. Kerjasama yang erat antara ketiga-tiga bangsa ini akan mewujudkan suatu iklim politik yang baru dan seterusnya membolehkan satu kuasa politik, seperti Pakatan Rakyat (PR) untuk berkuasa dan mentadbir kawasan Tanjong Malim dan negeri Perak. Tambahan pula, DHPP turut menganggotai PAS kawasan Tanjong Malim dan banyak membantu PAS dan Pakatan Rakyat di negeri ini. Ini secara tidak langsung program dan aktiviti yang diadakan akan turut dihadiri oleh golongan non muslim.²³

Menurut Abdul Gani Ibrahim, DPPK dan Unit Amal kawasan Tanjong Malim banyak terlibat dengan program dakwah. Ini kerana kebanyakan gerak kerja yang dilakukan adalah lebih kepada khidmat sosial dan bantuan kecemasan kepada masyarakat tanpa mengira kaum dan agama. Golongan pemuda adalah sebahagian aktivis yang banyak terlibat dengan aktiviti kemasyarakatan, seperti operasi membantu mangsa banjir, operasi membantu mangsa ribut, operasi menyelamatkan mangsa lemas, gotong royong membersihkan markas, membaiki rumah, membersihkan masjid dan tanah perkuburan.²⁴ Di samping itu, Lajnah Kebajikan dan Kemasyarakatan PAS kawasan Tanjong Malim juga tidak ketinggalan dalam menghulurkan bantuan dan pertolongan. Kerja-kerja amal yang dilakukan ini merupakan sebahagian daripada kerja-kerja dakwah yang bakal

²³ Temu bual dengan Baharudin Ishak pada 20 Jun 2010, hari Ahad, jam 6.00 hingga 6.45 ptg di rumah beliau yang beralamat di Lot. 977, Klan 2, Slim River, Perak.

²⁴ Rujuk Peringatan Mesyuarat Agung Tahunan Dewan Pemuda PAS Kawasan Tanjong Malim Kali Ke-8, bertarikh pada 27 Mac 2010, tempat di Markas Tarbiyah PAS Serigala, Slim River, Perak, h. 1617.

menarik sokongan golongan non muslim terhadap PAS, sedangkan fokus *tarbiyah* pula adalah khusus untuk ahli.²⁵

Mohamad Isa Jasad menjelaskan bahawa PAS kawasan Tanjong Malim menyedari peranan jama'ah tersebut bukan sekadar untuk mentarbiyah ahli sahaja, sebaliknya turut bertanggungjawab menjaga kestabilan dan keharmonian masyarakat, termasuklah golongan non muslim. Ini kerana golongan non muslim merupakan sebahagian besar daripada masyarakat di kawasan Tanjong Malim. Justeru itulah, Lajnah Perpaduan Nasional PAS kawasan Tanjong Malim mengambil inisiatif menjalinkan hubungan dengan kaum Cina, India dan Orang Asli. Kesannya sokongan golongan tersebut semakin meningkat terhadap PAS sehinggalah tertubuhnya Kelab Penyokong PAS atau DHPP. Tambah beliau lagi, situasi yang berlaku di kawasan ini mendorong PAS kawasan untuk mengimbangi antara program dakwah dan *tarbiyah*.²⁶

Kesimpulannya, kehadiran golongan non muslim dalam kuantiti yang besar di kawasan Tanjong Malim mendorong PAS kawasan ini untuk membahagikan tugas dakwah dan *tarbiyah*, di mana tugas dakwah adalah untuk semua golongan termasuklah golongan non muslim, manakala tugas *tarbiyah* pula adalah khusus untuk pendidikan ahli PAS sahaja.

²⁵ Temu bual dengan Abdul Gani Ibrahim pada 20 Mac 2010, hari Sabtu di pejabat DPPK Tanjong Malim, Slim River, Perak pada jam 5.00 ptg.

²⁶ Temu bual dengan Mohamad Isa Jasad pada 23 Jun 2010, hari Rabu di rumah beliau di Kampung Kelan, Slim River, Perak pada jam 6.00 ptg.

5.2.7 Masalah Perhubungan Untuk Menghadiri Program

Tanjong Malim adalah sebuah daerah yang terletak di Selatan negeri Perak, Sebagai daerah paling luas dalam negeri ini, Tanjong Malim terdiri daripada kawasan bandar, seperti pekan kecil Slim River, Tanjong Malim dan Behrang 2020, dan kawasan luar bandar, iaitu kawasan kampung dan Felda. Kehidupan masyarakat Felda adalah bergantung sepenuhnya kepada aktiviti pertanian kelapa sawit, di mana kawasan Felda meliputi sebahagian besar kawasan Tanjong Malim. Keadaan ini secara tidak langsung telah menjadikan Tanjong Malim dilingkungi oleh ladang kelapa sawit yang menyebabkan jarak perjalanan yang menghubungkan antara kawasan di Tanjong Malim menjadi jauh. Contohnya, jarak perjalanan biasa dari Felda Besout 4 ke pekan kecil Slim River adalah sejauh 45 km berbanding 20 km jika menggunakan jalan yang merentasi ladang kelapa sawit. Memandangkan kawasan ladang kelapa sawit tidak berturap, berbatu kerikil, berbukit bukau, tiada papan tanda, becak dan berlumpur serta kurang selamat, maka jalan berturap biasa yang sejauh 45 km itulah yang menjadi pilihan warga Felda Besout 4.²⁷

Abdul Salam Abdullah menjelaskan bahawa kehadiran ahli ke markas PAS dan penyertaan ke dalam program *tarbiyah* merupakan sebahagian daripada masalah yang dihadapi oleh PAS kawasan ini. Keadaan ini berlaku kerana daerah Tanjong Malim adalah daerah yang paling luas di negeri Perak.²⁸ Kebanyakan kawasannya dibangunkan

²⁷ Pengkaji pernah tinggal di Felda Besout 4 selama 5 tahun dan masih mengajar di SK. Besout 4 sejak tahun 2006 hingga sekarang.

²⁸ Tanjong Malim adalah daerah paling luas di negeri Perak. Keluasan tanah bagi daerah kecil Slim River/Tanjong Malim (949.86 km/per), kawasan pentadbiran Majlis Daerah Tanjong Malim (189.02

oleh Felda dan Risda dengan tanaman kelapa sawit dan getah. Jarak yang jauh antara cawangan dengan markas telah menimbulkan kesukaran bagi ahli yang tinggal jauh di pendalaman untuk bergiat aktif dalam jama'ah.²⁹

Harisah Sidek yang mewakili golongan muslimat pula berpandangan mereka berhadapan dengan masalah kehadiran mereka ke lokasi program. Mereka perlu mendapatkan sokongan padu daripada suami masing-masing bagi mengikuti program dan aktiviti PAS kawasan, termasuklah program *tarbiyah*. Sebagaimana golongan lelaki, mereka juga perlu menghadiri mesyuarat atau perjumpaan di kalangan muslimat, tetapi jarak rumah dan lokasi program yang jauh menjadi halangan untuk mereka bergiat aktif dalam masyarakat, terutamanya bagi muslimah yang tinggal di Felda Gugusan Besout dan Trolak. Beliau menambahkan bahawa sebahagian daripada golongan muslimat berkhidmat sebagai guru Kafa yang biasanya bermula jam 3.00 petang dan berakhir pada jam 5.30 petang. Kekangan masa yang dihadapi dan jarak perjalanan yang jauh untuk kembali ke rumah menyebabkan golongan tersebut menghadkan pergerakan mereka. Justeru itulah, *tarbiyah* DMPK menghadapi lebih banyak kekangan berbanding dengan *tarbiyah* PAS kawasan dan DPPK kawasan Tanjong Malim kerana halangan bagi muslimat untuk mengadakan program tersebut. Keadaan ini secara tidak langsung telah mengurangkan kefahaman muslimat tentang *tarbiyah* dan kepentingannya kepada ahli, khususnya muslimat.³⁰

km/per), kawasan operasi (51.28 km/per) dan kawasan kawalan (137.74 km/per). Rujuk keluasan Tanjong Malim dalam laman web <http://www.mdtm.gov.my>.

²⁹ Temu bual dengan Abdul Salam Abdullah pada 22 Jun 2010, hari Selasa di rumah beliau di Kampung Kuala Slim, Slim River, Perak.

³⁰ Temu bual dengan Harisah Sidek pada 22 Jun 2010, hari Selasa bertempat di kedai Hub Halal milik beliau di bandar Slim River, Perak.

Khalili Kassim menjelaskan bahawa kedudukan Tanjong Malim yang terletak di kawasan pertanian kelapa sawit menjadikan kawasan ini kurang membangun berbanding kawasan lain. Menurut beliau lagi, pembangunan di kawasan pertanian tidak sama dengan pembangunan di kawasan perindustrian. Pembangunan di kawasan pertanian adalah memfokuskan kepada peningkatan hasil kelapa sawit dan penghasilan benih kelapa sawit yang berkualiti. Sehubungan itu, perkhidmatan jalan raya dan telekomunikasi di kawasan ini kurang maju berbanding kawasan lain. Kesannya, masyarakat juga tidak memandang ilmu agama sebagai satu keperluan dan tidak berusaha menjadikan Tanjong Malim sebagai kawasan zon ilmu.³¹

Ringkasnya, jarak perhubungan yang jauh yang menghubungkan kawasan di Tanjong Malim, khususnya kawasan Felda ternyata telah menimbulkan masalah besar kepada ahli untuk menghadiri dan menyertai program *tarbiyah*. Ditambah pula dengan kedudukan Tanjong Malim yang berdekatan dengan Kuala Lumpur sedikit sebanyak menjadikan masyarakatnya lebih cenderung kepada kehidupan moden. Pastinya, cabaran yang dihadapi itu memerlukan sedikit pengorbanan daripada ahli. Mereka perlu mengorbankan masa, tenaga, wang ringgit dan keluarga mereka demi perjuangan jama'ah tersebut.

³¹ Masyarakat yang cintakan ilmu akan berada dalam lingkungan zon ilmu, seperti di kawasan pondok, berhampiran institusi pengajian agama dan masjid. Contohnya di persekitaran Masjid Muhammadi (Kota Bharu), pondok Lubok Tapah (Pasir Mas), pondok Pasir Tumboh (Kota Bharu), pondok Sungai Durian (Kuala Krai), pondok Talak (Tumpat), pondok Seri Gading (Tanah Merah), pondok Gelang Mas (Pasir Mas), pondok Dewan Beta (Kota Bharu), pondok Geting (Tumpat), medan ilmu yang menjadi lokasi kuliah setiap pagi Jumaat oleh Dato' Menteri Besar Kelantan di Jalan Dato' Pati, zon ilmu di Nilam Puri (ditempatkan Kolej Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra (KIAS), Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya (APIUM), Yayasan Islam Kelantan (YIK) dan Masjid Kampung Laut) dan banyak lagi di Kelantan. Temu bual dengan Khalili Kassim pada 22 Jun 2010, hari Selasa di rumah beliau di Kampung Klah Baru, Sungkai, Perak.

5.2.8 Masalah Keselamatan Untuk Menghadiri Program

Para ulama bersependapat bahawa hukum syara' dalam Islam adalah bertujuan untuk melaksana dan mencapai *maṣlahah* (kebaikan) untuk manusia, menjamin kebajikan orang ramai, dan menghindarkan sebarang kemudaratan atau bahaya. Apa-apa *maṣlahah* yang keluar daripada prinsip keadilan kepada kejahatan, daripada rahmat kepada laknat, daripada *maṣlahah* kepada *mafsadah*, dan daripada nikmat kepada *niqmah*, maka ia bukan daripada syariat Islam. Matlamat *maṣlahah* adalah menghala kepada lima tahap keperluan manusia, iaitu agama, nyawa, akal, keturunan dan harta.³²

Menurut Harisah Sidek, golongan muslimat tidak digalakkan mengadakan program atau aktiviti pada waktu malam kerana faktor keselamatan. Larangan ini adalah sesuai dengan perintah agama untuk kemaslahatan (kebaikan) golongan muslimat itu sendiri. Bahaya dan *muḍārāt* yang kebanyakan berlaku di kawasan ini adalah melibatkan kaum tersebut. Ramai buruh daripada warganegara tempatan, Indonesia dan Bangladesh yang bekerja di ladang-ladang sawit sentiasa berkeliaran untuk mengambil kesempatan ke atas mereka. Pelbagai kejadian yang tidak diingini, seperti kejadian rogol, ragut, rompak, bunuh dan sebagainya dapat dielakkan jika para muslimat lebih berwaspada dan berhati-hati dalam semua keadaan. Walau bagaimanapun, keadaan mengizinkan mereka bergerak aktif dalam jama'ah, sekiranya mereka bergerak dalam kumpulan, ditemani oleh suami atau mahram, tempat program berdekatan sahaja dan diadakan pada waktu yang

³² Zarqā', Muṣṭafā Ahmad al- (1988), *Al-Istiṣlāh wa Maṣālih al-Mursalah al-Islāmiyyah wa Usūl Fiqhuhā*, Damsyiq: Dār al-Qalam, h. 39; Būṭī, Sa'īd Ramaḍān al- (1966), *Ḍawā'ib al-Maṣlahah fi al-Syarī'ah al-Islāmiyyah*, Damsyiq: Maktabah 'Umawiyah, h. 25; Zulqarnain Hassan dan Mohamad Zaidi Abdul Rahman (2008), *op. cit.*, cetakan pertama, h. 17.

sesuai. Justeru itu, agenda *tarbiyah* dalam DMPK menghadapi lebih banyak kekangan berbanding dengan *tarbiyah* PAS kawasan dan DPPK kawasan Tanjong Malim kerana halangan dan kekangan tersebut. Keadaan ini secara tidak langsung telah mengurangkan kefahaman ahli di kalangan muslimat tentang *tarbiyah* dan programnya.³³

Sulaiha Saari menyatakan bahawa aspek keselamatan merupakan sebahagian keutamaan para muslimat. Ini kerana setiap gerak geri muslimat akan diperhatikan oleh orang ramai dan terdedah kepada bahana fitnah dan umpatan masyarakat. Oleh itu, setiap muslimat yang berkhidmat dalam PAS wajib memelihara kehormatan dan maruah diri, menjaga adab dan batas pergaulan, menjaga akhlak dan tingkah laku, berpakaian yang menutup aurat dan berwaspada dari fitnah masyarakat, mengutamakan keselamatan diri, mengawal setiap pergerakan di luar rumah, menjaga nama baik suami dan keluarga, dan tidak mengabaikan tanggungjawab terhadap rumahtangga.³⁴

Zulqarnain Hassan dalam disertasi beliau menghuraikan tentang tabiat semula jadi wanita, di mana kejadian mereka adalah berbeza daripada kaum lelaki dari sudut biologi dan emosi. Berdasarkan perbezaan tersebutlah maka berbeza juga ruang lingkup pekerjaan mereka. Sebenarnya inilah ketetapan Allah s.w.t yang menentukan bahawa setiap manusia bekerja menurut kesesuaian kejadian mereka.³⁵ Menurut kajian sains, dari sudut fizikalnya wanita lebih rendah daripada kaum lelaki, berat badannya lebih ringan,

³³ Temu bual dengan Harisah Sidek pada 22 Jun 2010, hari Selasa bertempat di kedai Hub Halal milik beliau di bandar Slim River, Perak.

³⁴ Temu bual dengan Sulaiha Saari pada 10 Ogos 2010, hari Selasa di Maahad al-Abbasiah, Sungkai, Perak pada jam 5.30 ptg.

³⁵ Al-Qur'ān, surah *al-Nisā'* 4 : 32 dan surah *al-Isrā'* 17 : 84. Zulqarnain Hassan dan Mohamad Zaidi Abdul Rahman (2008), *op.cit.*, cetakan pertama, h. 49.

rangka tubuhnya lebih lembut dan halus, kepalanya lebih kecil, otaknya menyamai 2.3% daripada berat badannya berbanding kaum lelaki yang menyamai 2.5% daripada berat badannya. Kekuatan tubuh wanita lebih lemah dan tidak mampu menanggung beban seperti golongan lelaki.³⁶ Dari sudut emosi pula, menurut keinginan dunia dan amat sensitif merupakan sifat kebiasaan bagi wanita. Dalam kalangan wanita, hanya sejumlah kecil sahaja yang mampu menguasai keinginan nafsu walau pun mereka mempunyai kebijaksanaan dan keimanan.³⁷ Justeru itu, kaum muslimat lebih wajar berwaspada dan berhati-hati dalam melaksanakan sebarang tindakan, termasuklah mengutamakan aspek keselamatan dan maruah diri.³⁸

Ringkasnya, pergerakan kaum muslimat di kawasan Tanjong Malim kurang aktif berbanding dengan dengan kaum lelaki. Keadaan ini adalah berpunca daripada kekurangan tenaga muslimat dalam *tarbiyah* dan sifat berhati-hati (*iḥtiyāt*) dalam kalangan mereka. Sebagai muslimat, mereka perlu berpandukan kepada beberapa peraturan dan syarat yang ketat sebagai langkah kawalan (*sadd al-dharā'i'*) daripada berlakunya perkara yang tidak diinginkan.

³⁶ *Ibid.*, h. 50.

³⁷ *Ibid.*

³⁸ Temu bual dengan Zulqarnain Hassan pada 17 Jun 2010, hari Khamis, jam 10.00 hingga 11.15 pagi di Bilik Ketua Jabatan Syariah, Kolej Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra (KIAS), Nilam Puri, Kota Bharu, Kelantan.

5.2.9 *Murabbī* Bukan Dari Kalangan Masyarakat Tempatan

Tarbiyah Islāmiyah bertujuan untuk melahirkan insan yang soleh yang seimbang dari sudut jasmani, rohani, intelek, emosi dan akal.³⁹ Justeru itu, setiap jama'ah Islam yang bertanzim mesti memiliki kriteria yang lengkap untuk mencapai tujuan *tarbiyah*, iaitu kombinasi di antara *murabbī*, sukatan dan marhalah *tarbiyah*.

Arman Yusop menyatakan bahawa sejarah telah membuktikan bahawa PAS kawasan Tanjong Malim sejak dahulu hingga sekarang tidak mempunyai ramai aktivis tempatan, khususnya *murabbī* yang berasal dari kawasan ini. Keadaan ini secara tidak langsung telah menggugat agenda *tarbiyah* di kawasan Tanjong Malim. Walau pun masih terdapat beberapa orang pimpinan yang berketrampilan dan mempunyai karisma terhadap *tarbiyah*, namun hakikatnya kriteria dan ciri-ciri *murabbī* (*muwā'ṣafāt murabbiyah*) yang diimpikan masih kurang terserlah pada pimpinan PAS kawasan ini. Suatu ketika dahulu, PAS kawasan ini mempunyai Zulqarnain Hassan dan banyak bergantung kepada beliau dalam urusan *tarbiyah* yang juga disebut-sebut mampu melakukan anjakan paradigma terhadap *tarbiyah* PAS kawasan Tanjong Malim dan PAS Perak, namun sejak pemergian beliau ke Kelantan pada tahun 2008, agenda *tarbiyah* di kawasan ini dilihat sedikit lesu dan kurang bermotivasi.⁴⁰

³⁹ Annuar Salleh (2000), *op. cit.*, cetakan pertama, h. 136.

⁴⁰ Temu bual dengan Arman bin Yusop pada 29 Jun 2010, hari Selasa di Masjid Jami' Sungkai, Sungkai, Perak. Jam 5.30 ptg.

Menurut Khalili Kasim, para aktivis yang berjuang untuk PAS pada peringkat awal hanyalah beberapa orang sahaja. Keadaan ini telah menimbulkan sedikit kesukaran kepada mereka untuk menerangkan kepada masyarakat tentang PAS dan aktivitinya. Walau bagaimanapun, kehadiran *murabbī* dan *nuqabā'* yang kebetulan berkhidmat di kawasan Tanjong Malim telah banyak membantu mempromosikan jama'ah tersebut kepada masyarakat umum sehingga mereka tidak lagi kekok dan fobia kepada PAS. Namun persoalannya di sini, sampai bilakah PAS kawasan Tanjong Malim perlu bergantung kepada *murabbī* dari luar? Beberapa orang pimpinan PAS tempatan yang mempunyai latar belakang agama dan *tarbiyah* pula nampaknya semakin meningkat usia dan berkeadaan uzur, seperti Abdul Salam Abdullah, Napiah Tokoromo, Hashim Hamud dan Sharudin Hussin.⁴¹

Nik Abdul Hadi Raja Abdullah menjelaskan bahawa beliau adalah sebahagian daripada pimpinan, *murabbī* dan *nuqabā'* PAS kawasan Tanjong Malim sejak berhijrah ke kawasan ini pada tahun 1999. Beliau juga turut mengakui PAS kawasan ini amat memerlukan sumbangan idea dan tenaga beliau, terutamanya berkaitan dengan program dan aktiviti *tarbiyah*. Namun begitu, beliau tidak menafikan akan kembali ke kampung halaman di Kelantan bagi mencurahkan khidmat bakti di sana. Senario ini telah berlaku kepada beberapa pimpinan PAS yang pernah berkhidmat di kawasan ini, seperti Zulqarnain Hassan, Muhammad Asri Abdul Hamid, Marhaidi Abdul Manaf, Zamri Hasin dan Mohd Rizan Abdul.⁴²

⁴¹ Temu bual dengan Khalili Kassim pada 22 Jun 2010, hari Selasa di rumah beliau di Kampung Klah Baru, Sungkai, Perak.

⁴² Temu bual dengan Nik Abdul Hadi Raja Abdullah pada 30 Jun 2010, hari Rabu di rumah beliau di Rumah Guru SMK (F) Besout, Sungkai, Perak. Jam 5.30 ptg.

Tegasnya, PAS kawasan Tanjong Malim perlu merancang pembangunan *tarbiyah* PAS secara tersusun dan terancang di kawasan ini. Pembangunan tersebut mestilah merangkumi pelbagai aspek *tarbiyah*, seperti membina kader-kader dakwah dan *tarbiyah* daripada kalangan warga tempatan, memfokuskan sasaran pembinaan terhadap golongan pemuda dan muslimah, merancang perancangan strategik *tarbiyah* tahunan dan bulanan secara berkala, dan mewujudkan *tarbiyah nizāmiyah* melalui penubuhan pusat pengajian agama, pusat pengajian tradisi, institusi pondok, penubuhan sekolah atau ma'ahad, memperkasakan sekolah Pasti dan sebagainya.

5.2.10 Kesukaran Mengikuti Sepenuhnya Sukatan *Tarbiyah* PAS Pusat

Lajnah Tarbiyah dan Perkaderan PAS Perak telah berusaha memantapkan *tarbiyah* sebagaimana yang dikehendaki oleh peserta seminar dan konvensyen yang telah diadakan sebelum ini yang berhasrat untuk melihat Badan Perhubungan PAS Perak mempunyai acuan *tarbiyah* yang tersendiri dan melibatkan program *tarbiyah* antara lajnah tarbiyah negeri, kawasan dan cawangan. Oleh itu, satu modul atau manual *tarbiyah* PAS yang sistematik telah dirangka dan diwujudkan di peringkat negeri Perak. Ia merupakan manhaj teras bagi gerak kerja *tarbiyah* berfokus, menjadi sumber rujukan dalam menggerakkan aktiviti *tarbiyah* dan bertindak sebagai panduan pelaksanaan aktiviti *tarbiyah*.⁴³ Walau pun modul (manual) *tarbiyah* PAS telah disediakan oleh PAS Pusat, namun kelemahan didapati berlaku dalam pengendalian *tarbiyah* PAS di Tanjong

⁴³ Lajnah Tarbiyah dan Perkaderan Badan Perhubungan PAS Negeri Perak (2008), *op.cit.*, h. 4.

Malim yang dilihat gagal merealisasi dan melaksana agenda *tarbiyah* sebagaimana yang dikehendaki.

Syed Zamzuri Syed Nengah menyatakan bahawa PAS kawasan Tanjong Malim tidak menggunakan sepenuhnya sukatan *tarbiyah* yang telah disediakan oleh Lajnah Tarbiyah dan Perkaderan PAS Perak. Sebagai pimpinan *tarbiyah* di kawasan ini, beliau menjelaskan keadaan ini bukan sengaja diabaikan atau tidak patuh kepada arahan pimpinan PAS Perak, sebaliknya PAS kawasan Tanjong Malim menyedari keperluan memahami tahap dan marhalah *tarbiyah* yang lebih sesuai untuk ahli dan masyarakat umum di kawasan ini. Sementara sukatan *tarbiyah* Lajnah Tarbiyah dan Perkaderan PAS Perak tetap dijadikan garis panduan dalam menjalankan program *tarbiyah* di kawasan ini. Namun kelemahan tersebut terpaksa diterima oleh PAS kawasan Tanjong Malim kerana kedudukan geografinya yang terletak di Selatan Perak dan masyarakatnya pula berbilang kaum dan budaya.⁴⁴

Baharudin Ishak memaklumkan bahawa PAS kawasan telah menjadikan sukatan *tarbiyah* yang dibekalkan oleh PAS Perak dan sukatan *tarbiyah* PAS Pusat sebagai bimbingan dan panduan untuk PAS kawasan Tanjong Malim. Ini bermakna tidak semua pengisiannya diikuti dan dilaksanakan sepenuhnya oleh PAS kawasan Tanjong Malim. Ini kerana cabaran dan masalah di setiap kawasan adalah berbeza dan sudah tentu pelaksanaan program dan cara mengatasi masalah juga berbeza. Sebagai tambahan, PAS kawasan turut merujuk kepada bahan rujukan dan buku *tarbiyah* yang dikarang oleh

⁴⁴ Temu bual dengan Syed Zamzuri Syed Nengah pada 01 November 2010, hari Isnin di Sekolah Agama Rakyat al-Hidāyah di Behrang 2020, Behrang, Perak pada jam 5.15 ptg.

pimpinan dan tokoh *tarbiyah* PAS, seperti Dato' Yahya Othman, Dato' Seri Abdul Hadi Awang dan Dato' Harun Taib.⁴⁵

Abdul Salam Abdullah menerangkan bahawa Lajnah tarbiyah dan Kepimpinan cuba memastikan program *tarbiyah* dapat dilaksanakan. Pelaksanaannya adalah secara fleksibel sesuai dengan kefahaman ahli. Pengisiannya juga tidak terlalu banyak dan sesuai dengan tahap pendidikan ahli. Tidak semua pengisian program *tarbiyah* yang dicadangkan oleh PAS Perak akan dilaksanakan keseluruhan. Contohnya dalam program usrah, para naqib akan mengendalikan program usrah cawangan mengikut kehendak, budi bicara dan kefahaman masing-masing. Justeru itulah, hasil pemantauan yang dijalankan mendapati kebanyakan usrah cawangan yang dilaksanakan berbeza di antara satu sama lain. Walau bagaimanapun, fokus dan hala tuju program *usrah* masih kekal dan tidak bercanggah dengan hasrat PAS itu sendiri.⁴⁶

Ringkasnya, sukatan *tarbiyah* yang disediakan oleh Lajnah Tarbiyah dan Perkaderan PAS Perak hanya dijadikan sebagai panduan dan rujukan oleh pimpinan dan ahli. Keadaan ini berlaku kerana Lajnah Tarbiyah dan Kepimpinan PAS kawasan Tanjong Malim menyedari kekuatan *tarbiyah* di kawasan ini masih lemah dan perlu kepada penerapan secara berhemah, perlahan-lahan dan beransur-ansur.

⁴⁵ Temu bual dengan Baharudin Ishak pada 20 Jun 2010, hari Ahad, jam 6.00 hingga 6.45 ptg di rumah beliau yang beralamat di Lot. 977, Klan 2, Slim River, Perak.

⁴⁶ Temu bual dengan Abdul Salam Abdullah pada 22 Jun 2010, hari Selasa di rumah beliau di Kampung Kuala Slim, Slim River, Perak.

5.2.11 Kesukaran Menjadikan Tanjong Malim Sebagai Zon Ilmu

Sejak pilihanraya pertama hingga sekarang, negeri Perak tidak pernah diperintah oleh PAS, sebaliknya UMNO dan BN terus menguasai pentadbiran kerajaan negeri ini. Pentadbiran UMNO dan BN yang lebih memfokuskan kepada aspek material, kebendaan dan duniawi sahaja tanpa prihatin kepada aspek keagamaan, pembinaan insan dan penerapan nilai-nilai Islam telah melahirkan masyarakat yang gemarkan hiburan, terdedah kepada masalah dan kejahatan sosial yang meruncing, kelemahan fahaman agama dan jauh daripada zon ilmu. Berbanding dengan kerajaan Kelantan yang berada di bawah pemerintahan ulama, banyak dasar-dasar dan program-program perubahan yang diperkenalkan dan dilaksanakan. Antaranya ialah dasar *Islam sebagai al-dīn*⁴⁷ yang direalisasikan dengan tema *Membangun Bersama Islam*, mempertingkatkan kecemerlangan dalam aspek pentadbiran, ekonomi, pembangunan insan, perbendaharaan kewangan, kebajikan, pelancongan dan pendidikan Islam. Bagi merealisasikan kecemerlangan pendidikan Islam, kerajaan telah menyediakan peruntukan jutaan ringgit setiap tahun bagi membina prasarana sekolah YIK, mendapatkan pengiktirafan kurikulum sekolah daripada Universiti al-Azhar dan Jordan, menubuhkan Ma'ahad Tahfīz al-Qur'ān (MTQ) Pulau Chondong, Ma'ahad al-Dak'wah wa al-Imāmah (MDI), Pusat Pengajian Pondok Moden, Kolej Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra (KIAS) dan Kolej Islam Kelantan (KIK). Sikap masyarakat Kelantan yang masih lagi mempertahankan cara hidup dan budaya Islam, seperti menjadikan hari Jumaat sebagai hari ilmu dan kuliah mingguan

⁴⁷ *Al-Dīn* adalah satu cara hidup. Ia adalah satu sistem yang merangkumi peraturan-peraturan yang menyeluruh dan undang-undang yang lengkap dalam semua urusan hidup manusia untuk mereka menerima dan mengamalkannya secara total. Abū 'Urwah (1999), *Konsep-Konsep Umum Islam*, cetakan ketiga, Kuala Lumpur: Pustaka Salam Sdn. Bhd, h. 7.

oleh Dato' Menteri Besar Kelantan di Jalan Dato' Pati pada setiap pagi Jumaat,⁴⁸ serta pelaksanaan pembaharuan oleh kerajaan negeri Kelantan telah melayakkan Kelantan mempertahankan gelaran *Serambi Mekah* sejak sekian lama.⁴⁹

Zainal Asmawi mendedahkan bahawa kelemahan PAS kawasan ini turut berpunca daripada kekurangan pengisian agama. Masyarakat di kawasan ini sebenarnya masih jauh daripada terdedah kepada sinaran ilmu. Para pimpinan PAS yang mempunyai ilmu yang tinggi pula kurang melakukan mujahadah untuk menyampaikan ilmu secara menyeluruh kepada masyarakat. Ini kerana beberapa orang ustaz dan pengkuliah telah menarik diri daripada menyebarkan ilmu agama kepada masyarakat umum tanpa menjelaskan sebab-sebabnya. Mereka juga didapati turut menghentikan kuliah dan pengajian agama di beberapa buah masjid dalam kawasan Tanjong Malim.⁵⁰

Hashim Hamud menambahkan bahawa kesan daripada pemerintahan UMNO dan BN di negeri ini, masyarakat umum lebih terdedah kepada program-program hiburan, seperti Karnival Jom Heboh (Sure Heboh), Program Juara Rakyat, Karnival Membeli Belah, Karnival Ikatan Hati Rakyat Felda (IKTIRAF), Konsert Malam Merdeka, pertandingan karoake dan banyak lagi. Hiburan juga telah sebatikan dalam kehidupan sebahagian daripada masyarakat kawasan ini. Situasi ini didapati berlaku kepada semua

⁴⁸ Kerajaan negeri Kelantan juga menjadikan kawasan Nilam Puri yang terkenal dalam sejarah Kelantan sejak zaman dahulu hingga kini sebagai zon ilmu, di mana terletak di zon tersebut Kolej Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra (KIAS), Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya dan Yayasan Islam Kelantan (YIK). Di zon ilmu ini juga terletak Masjid Kampung Laut yang berusia lebih 300 tahun dan masjid-masjid yang berhampiran, seperti masjid Nilam Puri dan Masjid Batu 8. Di Nilam Puri juga, terdapat Pusat Pembelajaran Bahasa Arab Mikro dan kursus-kursus untuk masyarakat awam.

⁴⁹ Dewan Ulama PAS Pusat (2009), *op.cit.*, cetakan pertama, h. 130-131, 134-135.

⁵⁰ Temu bual dengan Zainal Asmawi pada 10 November 2009, hari Selasa di rumah beliau di Felda Besout 2, Sungkai, Perak.

golongan, sama ada golongan dewasa, belia, remaja dan pelajar sekolah. Majlis perkahwinan, majlis pertunangan dan program-program sekolah pula dicemari dengan budaya hiburan, seperti karaoke, nyanyian dan joget. Para ibu bapa turut melahirkan perasaan bangga apabila anak mereka berjaya dalam bidang tersebut. Keadaan ini ternyata telah menghalang dan menjauhkan masyarakat daripada berminat untuk mempelajari ilmu. Keadaan akan bertambah parah apabila masyarakat sekarang mudah terpengaruh dengan pelbagai program realiti dalam televisyen, seperti Akademi Fantasia, Malaysian Idol, One In A Million, Raja Lawak, Maharaja Lawak, Sehati Berdansa, Mari Menari, Mentor, Pilih Kasih, Idola Kecil, Serasi Bersama, Kilauan Emas dan sebagainya.⁵¹

Arman Yusop menjelaskan bahawa masyarakat di Tanjong Malim adalah masyarakat yang kurang mengamalkan tuntutan agama. Ini dapat dibuktikan walau pun hanya terdapat sebuah masjid atau surau di sesuatu tempat, namun ahli jama'ah yang menghadiri solat jama'ah dan program-program masjid tidaklah ramai. Keadaan ini adalah berpunca daripada kurangnya kesedaran beragama dalam kalangan masyarakat di kawasan ini. Di tempat-tempat yang tertentu pula, golongan muslimat didapati hanya segelintir sahaja yang menunaikan solat berjama'ah di masjid. Para belia dan beliawanis pula hanya mengunjungi masjid apabila diadakan majlis-majlis tertentu, seperti sambutan hari kebesaran Islam,⁵² majlis bacaan Yāsin perdana⁵³ dan majlis perkahwinan.⁵⁴

⁵¹ Temu bual dengan Hashim Hamud pada jam 3.00 ptg, 17 Julai 2010, hari Sabtu di rumah beliau di Kampung Rasau, Slim River, Perak.

⁵² Sambutan Hari Kebesaran Islam adalah seperti sambutan awal *Muharram*, sambutan *Maulid al-Rasūl* s.a.w, sambutan *Īdu al-Fiṭrī* dan *Īdu al-Āḏhā*.

⁵³ Bacaan Yāsin yang diadakan sempena peperiksaan UPSR, PMR, SPM dan STPM.

⁵⁴ Majlis aqad nikah biasanya diadakan di masjid atau surau. Temu bual dengan Arman bin Yusop pada 29 Jun 2010, hari Selasa di Masjid Jami' Sungkai, Sungkai, Perak. Jam 5.30 ptg.

Secara keseluruhannya, masyarakat di Tanjong Malim didapati kurang mengamalkan tuntutan agama kerana banyak terpengaruh dengan program hiburan, kurangnya majlis ilmu dan ketidakwujudan zon ilmu di kawasan ini.

5.2.12 Kekurangan Institusi Pendidikan Agama

Pendidikan adalah aspek paling penting dalam pentadbiran sesebuah kerajaan, sama ada kerajaan Persekutuan atau kerajaan Negeri. Ini dapat dilihat daripada kekananan kedudukan Menteri Pelajaran Malaysia dalam kabinet Kerajaan Persekutuan atau kedudukan Exco Pendidikan dalam pentadbiran kerajaan Negeri. Malah, Menteri Pelajaran Malaysia atau Exco Pendidikan kerajaan Negeri adalah sebahagian daripada menteri atau Exco yang mendapat peruntukan kewangan paling tinggi pada setiap tahun bagi membiayai pendidikan dalam negara atau negeri. Namun, peruntukan tersebut kurang dimanfaatkan oleh kerajaan dalam membantu masyarakat Islam yang cintakan ilmu pengetahuan, khususnya ilmu agama kerana kerajaan negeri Perak kurang mengambil berat keperluan pendidikan Islam di negeri ini. Institusi pendidikan agama di peringkat menengah di negeri Perak hanya beberapa buah sahaja, iaitu SMK. Agama Slim River, SMK. Agama Kerian, SMK. Agama Bota, Sekolah Izzuddin Shah, Sekolah Raja Perempuan Ta'ayah dan beberapa buah Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK) yang jauh daripada mencukupi berbanding dengan keperluan masyarakat Islam di negeri ini. Manakala institusi pendidikan agama peringkat tinggi pula hanya beberapa buah sahaja, seperti Kolej Islam Darul Ridzuan (KISDAR), Ma'ahad Tahfiz al-Qur'ān wa al-

Qirā'at Perak (INTIM) dan Kolej Pengajian Tinggi Islam Ipoh (KPTII). Institusi pendidikan agama yang terdapat di kawasan Tanjong Malim pula hanyalah SMK. Agama Slim River,⁵⁵ Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK) Daerah Batang Padang⁵⁶ dan Ma'ahad al-'Abbāsiyah.⁵⁷

Baharudin Ishak memaklumkan bahawa Tanjong Malim tidak mempunyai sekolah agama dan pusat pengajian pondok yang menjadi tunjang kepada perkembangan dakwah dan *tarbiyah* di kawasan ini sebagaimana di negeri Kelantan, Terengganu dan Kedah. Perkembangan ini secara tidak langsung menyulitkan para *murabbī* untuk berhadapan dengan masyarakat. Berbeza dengan PAS kawasan Parit Buntar, Parit dan

⁵⁵ Penubuhannya tidak membantu masyarakat tempatan menambahkan kecintaan kepada ilmu agama atau membentuk zon ilmu di rantau ini berbanding dengan kawasan lain yang mempunyai banyak pusat pengajian agama, kolej, pondok, maahad tahfiz dan sebagainya. Peranan SMK. Agama Slim River kurang terserlah dalam membentuk masyarakat yang beragama dan berilmu pengetahuan kerana ia adalah sebahagian daripada sekolah menengah Kementerian Pelajaran Malaysia, tetapi daripada aliran agama. Mata pelajaran yang diajar adalah sama dengan sekolah-sekolah di bawah kendalian kementerian, cuma ditambah mata pelajaran Bahasa Arab sahaja. Aliran yang ditawarkan di sekolah ini ialah aliran Sains, Sastera Ikhtisas dan Teknikal. Rujuk sejarah SMK. Agama Slim River dalam laman web <http://smkaslimriver.bpi.edu.my>.

⁵⁶ Sekolah Agama Rakyat (SAR) Bidor telah ditubuhkan pada tahun 1990 dan didaftarkan di bawah Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Perak dengan No: pendaftaran JUPK/SAR/4/90. Pengasasnya ialah Mohd Zain Abdul Rahman, Pegawai Tadbir Agama (PTA) Daerah Tapah dan Wan Abdullah Wan Salleh, Ketua Penolong Pegawai Daerah Tapah serta beberapa orang pemimpin tempatan. Kini, SAR Bidor telah dikenali sebagai Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK) Daerah Batang Padang mulai tahun 2006. Rujuk sejarah SABK Daerah Bapang Padang dalam laman web <http://sabkbidor.blogspot.com/2009/06/maklumat-penubuhan-dan-sejarah-awal.html>.

⁵⁷ Sekolah ini telah diasaskan oleh satu jawatankuasa penaja di bawah naungan Orang Besar Jajahan Batang Padang, Dato' Seri Mior Abbas Bin Mior Abu Bakar. Sekolah ini dinamakan Sekolah Menengah Agama 'Abbāsiyah sempena nama sebuah kerajaan Islam yang agung, iaitu Kerajaan Islam Bani al-'Abbāsiyah. Nama tersebut juga bertepatan dengan nama Dato' Seri Mior Abbas Bin Mior Abu Bakar, Orang Kaya-Kaya Panglima Bukit Gantang Seri Amar Diraja yang merupakan penaung kepada jawatankuasa penaja sekolah ini. Sekolah ini diuruskan oleh Jama'ah Pengurusan Sekolah di bawah seliaan Jabatan Agama Islam Perak, di samping peranan yang dimainkan oleh PIBG dan Guru. Mudir sekolah ini ialah Abdul Rahman al-Mubarak (1986), Mohd Isa Sayrif (Januari 1986 hingga Disember 1986), Mohd Arbain Arshad (1987 hingga 2007) dan Adami Mansor (2008 hingga sekarang). Sekolah ini mula beroperasi sepenuhnya pada 3 Februari 1986. Pada Tahun 1993, nama Sekolah Menengah Agama 'Abbāsiyah telah ditukarkan kepada Ma'ahad al-'Abbāsiyah. Di antara kejayaan yang pernah dikecapi oleh ma'ahad ini ialah Anugerah SPM Terbaik 1993 dan SPM Terbaik 1999 dalam kalangan SMAR Negeri Perak. Bilangan pelajar di ma'ahad ini adalah seramai 450 orang dan 25 orang guru pada tahun 2010. Rujuk sejarah Ma'ahad al-'Abbāsiyah dalam laman web http://www.smura4u.co.cc/?page_id=478. Temu bual telefon dengan Zulkapli Piai pada 27 November 2010, hari Sabtu, jam 9.30 malam.

Grik⁵⁸ yang berada di sebelah Perak Utara yang banyak mendapat sokongan padu daripada golongan berpendidikan daripada sekolah agama dan pusat pengajian pondok serta lebih menonjol dalam melaksanakan agenda *tarbiyah*.⁵⁹

Khalili Kassim menjelaskan bahawa aktivis PAS pada peringkat awal di Tanjong Malim hanyalah dua orang sahaja, iaitu Baharin Mohd Noor dan Mohd Isa Nadi.⁶⁰ Pada ketika itu, masyarakat cukup fobia dengan PAS dan menolak *tarbiyah* daripada parti tersebut. Menurut beliau, keadaan ini adalah berpunca daripada ketiadaan pusat pengajian Islam, seperti sekolah agama, pusat pengajian pondok, madrasah dan institusi pengajian tinggi Islam. Pada peringkat awal, sebuah sekolah agama rakyat (SAR) pernah didirikan di Slim Village, namun sekolah tersebut akhirnya berkubur setelah guru-guru dari sekolah ini diserapkan ke sekolah kebangsaan dan sekolah menengah di sekitar Tanjong Malim.⁶¹ Kini, tapak asal sekolah agama rakyat tersebut telah didirikan kuarters guru SK. Slim Village dan Sekolah Agama Rakyat Ehsāniah, Slim Village, Perak.⁶²

⁵⁸ Madrasah al-Dīniah al-Laṭīfiah atau lebih dikenali sebagai Pondok Pak Teh di Pengkalan Hulu, Perak merupakan satu-satunya pondok yang masih mengamalkan pengajian kitab Jawi dan Arab secara tradisi di Perak dan mempunyai lebih 400 orang murid secara sepenuh masa. Pondok ini dibangunkan oleh Pak Teh (Tuan Guru Datuk Abdul Latif Abdul Rahman) pada tahun 1967 sehinggalah kematiannya pada 30 September 2010. Rujuk sejarah Pondok Pak Teh dalam laman web <http://addiniahallatiffiah.blogspot.com> dan <http://www.scribd.com/doc/23415447/Sejarah-AwalPertubuhan-Pondok-Pakteh>.

⁵⁹ Temu bual dengan Baharudin Ishak pada 20 Jun 2010, hari Ahad, jam 6.00 hingga 6.45 ptg di rumah beliau yang beralamat di Lot. 977, Klan 2, Slim River, Perak.

⁶⁰ Beliau berasal dari Sungkai, Perak.

⁶¹ Mohamad Syafie Abdul Hamid adalah salah seorang bekas pelajar yang dilahirkan dari sekolah agama rakyat ini. Kelulusannya diiktiraf setaraf dengan Sijil Empat Thānawī.

⁶² Sekolah Agama Rakyat Ehsāniah, Slim Village merupakan kelas KAFA bagi murid-murid sekolah kebangsaan, tetapi lebih dikenali sebagai sekolah agama rakyat di negeri Perak. Hashim Hamud adalah mudir sekolah tersebut sejak tahun 2003. Temu bual dengan Khalili Kassim pada 22 Jun 2010, hari Selasa di rumah beliau di Kampung Klah Baru, Sungkai, Perak.

Sementara itu, Hashim Hamud pula berpandangan bahawa kesan daripada kekurangan institusi pendidikan agama, seperti sekolah agama, pusat pengajian pondok dan madrasah yang merupakan tempat penyebaran ilmu menyebabkan masyarakat di Tanjong Malim kurang berilmu. Sebaliknya masyarakat terus hanyut dibuai arus pemodenan yang tidak seimbang antara tuntutan dunia dan akhirat. Masjid yang menjadi tempat ibadat dan tempat menuntut ilmu pula amat terhad. Contohnya, komuniti Besout 4 yang mempunyai penduduk seramai 500 orang hanya mempunyai sebuah masjid sahaja.⁶³

Ringkasnya, institusi pendidikan agama memainkan peranan yang penting dalam mendidik masyarakat, khususnya golongan belia dan remaja ke arah penghayatan ilmu pengetahuan dan penerapan nilai-nilai murni.

5.2.13 Agenda Tarbiyah Kurang Dibincangkan Dalam Mesyuarat

Islam amat mengambil berat terhadap prinsip *al-syūrā* lantaran besarnya peranan yang dimainkan dalam kehidupan individu dan masyarakat.⁶⁴ Arahan untuk melaksanakan *al-syūrā* telah disebut dalam al-Qur'ān.⁶⁵ Sesungguhnya Rasulullah s.a.w adalah contoh terbaik dalam pelaksanaan *al-syūrā*. Walaupun Baginda s.a.w sentiasa dibimbing oleh wahyu, namun Baginda s.a.w tetap bersyura dengan para sahabatnya dalam kebanyakan urusan untuk mengajar mereka dan umatnya tentang kepentingan *al-*

⁶³ Temu bual dengan Hashim Hamud pada jam 3.00 ptg, 17 Julai 2010, hari Sabtu di rumah beliau di Kampung Rasau, Slim River, Perak.

⁶⁴ *Syūrā* ialah mesyuarat (untuk mencapai keputusan menurut suara terbanyak). Dewan Bahasa dan Pustaka (2005), *op.cit.*, edisi keempat, h. 1560.

⁶⁵ Sūrah Āli Imrān 3 : 159 dan surah al-Syūrā 42 : 38.

syūrā.⁶⁶ *Al-syūrā* atau dikenali juga sebagai mesyuarat⁶⁷ merupakan perbincangan formal atau *musyāwarah* antara dua pihak atau lebih untuk mencapai objektif bersama melalui proses komunikasi dalam membuat sesuatu keputusan. Namun jika sesuatu agenda yang penting tidak diputuskan melalui *al-syūrā* atau mesyuarat, sudah tentu perkara tersebut dianggap tidak penting kepada jama'ah.

Menurut Syed Zamzuri Syed Nengah,⁶⁸ pimpinan Lajnah Tarbiyah dan Kepimpinan PAS kawasan, DPPK dan DMPK Tanjong Malim sebenarnya kurang membincangkan agenda *tarbiyah* dalam perjumpaan atau mesyuarat. Keadaan ini secara tidak langsung telah memberikan implikasi yang kurang baik terhadap perkembangan *tarbiyah* di kawasan Tanjong Malim. Kepimpinan *tarbiyah* wajar mengadakan perjumpaan atau mesyuarat secara berkala pada setiap sesi. Selain daripada Pengerusi lajnah yang bertanggungjawab secara langsung dalam menguruskan majlis mesyuarat dan memastikan seluruh aktiviti *tarbiyah* berjalan dengan lancar, ahli jawatankuasa yang lain juga mesti bertanggungjawab terhadap jawatan dan portfolio

⁶⁶ Qurtubī, Abū Abdullah Muhammad bin Ahmad bin Abī Bakr al-Andalusī al- (t.t), *Al-Jāmi' li Ahkām al-Qur'ān*, jilid 4, Mesir: al-Hay'ah al-Misriyyah al-'Āmmah li al-Kutub, h. 249; Zulqarnain Hassan dan Mohamad Zaidi Abdul Rahman (2008), *op.cit.*, cetakan pertama, h. 10.

⁶⁷ Mesyuarat ialah perundingan (untuk membincangkan sesuatu, atau mencapai sesuatu keputusan), pembicaraan, rapat. Dewan Bahasa dan Pustaka (2005), *op.cit.*, edisi keempat, h. 1028.

⁶⁸ Beliau dilahirkan pada tahun 1965 di Parit, Perak. Mendapat pendidikan awal di SK. Bukit Cupak dan SMK. Iskandar Shah, Parit. Seterusnya menyambung pendidikan di SMU Dār al-Ulūm, Bagan Datoh dan pondok Pasir Tumboh, Kelantan selama 5 tahun. Beliau kemudiannya menyambung pengajian di Universiti Lahore, Pakistan selama 7 tahun. Beliau bertugas sebagai imam di masjid Behrang 2020 sejak tahun 2006 dan mudir di Sekolah Agama Rakyat (SAR) al-Hidāyah, Behrang 2020 sejak tahun 2005 dan Pengetua di Ma'ahad Tahfiz al-Taufiqiyyah di Behrang Stesyen sejak tahun 2004. Pengalaman dalam tarbiyah PAS bermula sejak tahun 1988 hingga 1992, apabila diamanahkan sebagai Ketua Urusan Ulama PAS kawasan Parit dan Setiausaha Lajnah Tarbiyah dan Kepimpinan PAS kawasan Tanjong Malim pada tahun 1994 hingga 2006. Kini, beliau masih meneruskan kerja-kerja tarbiyah dan dakwah di kawasan Tanjong Malim apabila dilantik sebagai Ajk Lajnah Tarbiyah dan Kepimpinan di kawasan ini. Beliau juga merupakan antara pengasas Pasti Mawaddah, Behrang 2020 yang merupakan sekolah Pasti yang paling aktif di kawasan Tanjong Malim.

yang dipegang.⁶⁹ Ini kerana kejayaan program *tarbiyah* dalam jama'ah ini adalah bergantung kepada kerjasama semua pihak. Contohnya, Ketua Majlis Nuqabā' sewajarnya mengendalikan kursus-kursus untuk *nuqabā'*, menjalankan urusan pemantauan atau pencerapan, menyediakan modul latihan atau kursus, dan mendapatkan kerjasama PAS kawasan atau cawangan dalam pemilihan *nuqabā'*. Begitu juga dengan Ketua Unit Usrah yang bertanggungjawab menyelaras perjalanan program usrah di peringkat kawasan dan cawangan, serta memastikan ahli dapat menyertai program tersebut di semua peringkat.⁷⁰

Menurut Arman Yusop, beliau setuju dengan pandangan Syed Zamzuri Syed Nengah yang menyatakan bahawa PAS kawasan Tanjong Malim kurang membicarakan agenda *tarbiyah* dalam mesyuarat. Mesyuarat PAS kawasan hanya diadakan sekali dalam sebulan. Oleh itu, banyak perkara yang dibincangkan dalam mesyuarat tersebut sehingga mesyuarat kurang memfokuskan kepada agenda yang penting ini. Beliau juga turut mengemukakan persoalan tentang siapakah yang bakal diharapkan untuk merancang dan melaksanakan program dan aktiviti *tarbiyah* sekiranya para *murabbī* tidak prihatin dengan *tarbiyah*. Beliau juga turut mengakui kelemahan para pimpinan Lajnah Tarbiyah dan Kepimpinan PAS kawasan yang agak lambat dan kurang agresif dalam mengambil tindakan susulan selepas selesai mesyuarat.⁷¹

⁶⁹ Lajnah Tarbiyah dan Perkaderan PAS Negeri Perak (2008), *op.cit.*, h. 3.

⁷⁰ *Ibid.* Temu bual dengan Syed Zamzuri Syed Nengah pada 01 November 2010, hari Isnin di Sekolah Agama Rakyat al-Hidayah di Behrang 2020, Behrang, Perak pada jam 5.15 ptg.

⁷¹ Temu bual dengan Arman bin Yusop pada 29 Jun 2010, hari Selasa, jam 5.30 ptg di Masjid Jami' Sungkai, Sungkai, Perak.

Abdul Salam Abdullah yang mempengerusikan Lajnah Tarbiyah dan Kepimpinan PAS kawasan Tanjong Malim menambahkan bahawa beliau sendiri pernah beberapa kali cuba mengadakan mesyuarat lajnah tersebut, namun ada sahaja halangan yang membantutkan hasrat tersebut. Tambahan pula masalah kesihatan yang dihadapi oleh beliau sejak mutakhir ini ternyata banyak menjejaskan agenda *tarbiyah* di kawasan ini. Beliau juga turut mengakui tidak berkesempatan untuk turun padang bagi meninjau perkembangan *tarbiyah* di cawangan-cawangan. Justeru itulah, mesyuarat *tarbiyah* wajar diadakan bagi mendapatkan laporan dan maklum balas ahli.⁷²

Kesimpulannya, mesyuarat diadakan bertujuan untuk membincangkan sesuatu atau mencapai sesuatu keputusan. Oleh itu, kekerapan mesyuarat sebenarnya banyak membantu menyelesaikan masalah yang dihadapi. Sesuatu program tidak dapat dilaksanakan dengan jayanya jika tiada perancangan dan strategi yang sistematik. Melalui mesyuarat juga, *post mortem* dapat diadakan sebagai muhasabah dan penambahbaikan terhadap aktiviti *tarbiyah* sedia ada.

5.2.14 Kelemahan Pimpinan PAS Kawasan dan Lajnah Tarbiyah dan Kepimpinan

Kepimpinan adalah sebahagian daripada elemen yang penting dalam sesebuah organisasi. Kepimpinan yang baik pasti akan melahirkan ahli dan masyarakat yang baik. Kesan kepimpinan tersebut akan melahirkan ahli yang komited terhadap perjuangan, taat dan *thiqah* kepada pimpinan, yakin dan menaruh harapan yang tinggi terhadap masa

⁷² Temu bual dengan Abdul Salam Abdullah pada 22 Jun 2010, hari Selasa di rumah beliau di Kampung Kuala Slim, Slim River, Perak.

depan jama'ah, dan sedia mengorbankan jiwa, tenaga, wang, masa dan fikrah untuk jama'ah. Contohnya, slogan kepimpinan ulama dalam PAS yang dibentuk bagi melaksanakan dua tanggungjawab yang besar, iaitu memelihara agama dan menguruskan *siyāsah* dunia yang terbukti berjaya membentuk kepimpinan yang menggabungkan antara tanggungjawab keagamaan dan keduniaan.⁷³ 'Abd al-Karīm Zaydān menegaskan bahawa golongan *al-malā'* atau pembesar yang berpengaruh yang memegang tampuk kekuasaan dalam sesebuah masyarakat merupakan golongan pertama yang menjadi sasaran dakwah.⁷⁴ Ini jelas menggambarkan bahawa pemimpin atau pembesar mempunyai tanggungjawab yang besar terhadap organisasi dan jama'ah. Jika mereka yang berpengaruh dilihat lemah dalam memimpin masyarakat, maka kelemahan itulah yang menjadi punca kepada keruntuhan organisasi dan jama'ah.

Menurut Abdul Salam Abdullah, beliau mengakui kelemahan yang terdapat pada pimpinan PAS, khususnya pimpinan *tarbiyah* dalam pengurusan *tarbiyah* di kawasan Tanjong Malim. Penglibatan para pimpinan dalam program *tarbiyah* di kawasan ini juga didapati tidak menyeluruh dan hanya tertumpu kepada beberapa orang individu sahaja. Keadaan ini berlaku kerana kurangnya komited dan kesedaran di kalangan pimpinan serta keketekan pengalaman sebagai seorang pemimpin.⁷⁵

⁷³ Dewan Ulama PAS Pusat (2009), *op.cit.*, cetakan pertama, h. 97.

⁷⁴ Zaydān, 'Abd al-Karīm (2002), *op. cit.*, h. 426.

⁷⁵ Temu bual dengan Abdul Salam Abdullah pada 22 Jun 2010, hari Selasa di rumah beliau di Kampung Kuala Slim, Slim River, Perak.

Khalili Kassim pula mendedahkan bahawa masyarakat di Tanjong Malim mutakhir ini sebenarnya lebih berminat untuk mendekati PAS, tetapi corak kepimpinan PAS yang kurang prihatin dan tidak cuba untuk mendekati mereka menyebabkan tidak berlaku interaksi yang dikehendaki. Beliau juga menambahkan bahawa program-program *tarbiyah* yang dijalankan, seperti program *usrah* PAS cawangan dilaksanakan tanpa mengikut manhaj perjuangan PAS atau tidak selaras dengan sukatan *tarbiyah* yang dibekalkan oleh Lajnah Tarbiyah dan Perkaderan PAS Perak. Keadaan ini berlaku kerana kurangnya ukhuwwah, tiadanya komunikasi dan tidak wujud persefahaman antara pimpinan dan ahli. Beliau juga turut menyatakan kekesalannya di atas kelemahan pimpinan PAS kawasan menguruskan penubuhan PAS cawangan. PAS kawasan didapati tidak mengambil tindakan yang sewajarnya, seperti melakukan ziarah selepas penubuhan jawatankuasa penaja PAS cawangan sehinggalah ketua penaja PAS cawangan tersebut meninggal dunia.⁷⁶ Keadaan ini pasti memberikan impak yang negatif kepada PAS kawasan ini jika dibiarkan berterusan tanpa sebarang tindakan yang berkesan.⁷⁷

Harisah Sidek pula menyatakan bahawa Lajnah Tarbiyah dan Kepimpinan PAS kawasan Tanjong Malim kurang berfungsi dengan baik. Kelemahan itu adalah daripada beberapa aspek yang utama, iaitu berkaitan dengan pengurusan lajnah, perancangan agenda *tarbiyah*, penyusunan program *tarbiyah*, pelaksanaan program dan aktiviti *tarbiyah*, dan program susulan jama'ah. Beliau juga menjelaskan bahawa hanya beberapa

⁷⁶ Harisah Ismail meninggal dunia pada 18 Jun 2010. Beliau merupakan ketua penaja PAS cawangan Bikam dan pernah berkhidmat sebagai Imam 1 di masjid Bikam, Sungkai, Perak. Selain itu, beberapa PAS cawangan yang lain juga turut menghadapi situasi yang sama, seperti PAS cawangan Trolak Timur dan Kg. Poh (Bidar). UPU Trolak Timur pula pernah mendapat lebih daripada 400 undi dalam pilihanraya umum yang lalu dan hanya kalah 16 undi sahaja, tetapi pimpinan PAS kawasan tidak turun padang bagi meraikan sokongan mereka.

⁷⁷ Temu bual dengan Khalili Kassim pada 22 Jun 2010, hari Selasa di rumah beliau di Kampung Klah Baru, Sungkai, Perak.

orang *murabbī* atau *murabbiyah* sahaja yang aktif menggerakkan lajnah tersebut. Sistem fail dan maklumat berkaitan *tarbiyah* pula tidak lengkap atau dikemaskini berdasarkan maklumat semasa. Kelemahan dan ketidakcekapan ini secara langsung merugikan PAS kawasan Tanjong Malim itu sendiri.⁷⁸

Tegasnya, PAS Pusat telah menyediakan modul, kursus dan latihan yang sesuai bagi membina pimpinan dan kader yang berkualiti serta memenuhi kriteria yang dikehendaki. Selain daripada Kolej Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra (KIAS), Kolej Islam Darul Ulum (KIDU) dan Kolej Universiti Darul Qur'ān Islāmiyyah (KUDQI), PAS juga turut menyediakan kursus dan latihan di Institut Latihan Kepimpinan dan Perkaderan Dakwah Islamiyah (ILHAM) melalui beberapa program pengajian, seperti Diploma Tasawwur Islam, Diploma Kepimpinan Islam, Kursus Pengurusan dan Organisasi (ILPO), Kursus Kefahaman dan Visi (ILKV), Sijil Bahasa Arab dan kursus-kursus intensif yang diadakan dari masa ke semasa. Pada September 2010, PAS Pusat terus mengorak langkah ke hadapan apabila menubuhkan Kolej Universiti Islam Zulkifli Mohamad (KUIZM) di Markas Tarbiyah PAS Pusat, Taman Melewar, Selangor.

5.3 Kesimpulan

Kesimpulannya, masalah dalam *tarbiyah* PAS kawasan Tanjong Malim dapat dibahagikan kepada dua bahagian. Pertama, masalah yang berpunca daripada kedudukan

⁷⁸ Temu bual dengan Harisah Sidek pada 22 Jun 2010, hari Selasa bertempat di kedai Hub Halal milik beliau di bandar Slim River, Perak.

geografi kawasan Tanjong Malim, iaitu kawasan Tanjong Malim bukan zon ilmu, kekurangan institusi pendidikan agama, lokasi program yang terhad, masalah perhubungan dan keselamatan untuk menghadiri program, tahap pendidikan masyarakat yang rendah, kedudukan Tanjong Malim di Selatan Perak dan masyarakat yang berbilang kaum dan agama. Kedua, masalah yang berlaku disebabkan oleh kelemahan sumber manusia, seperti dana yang terhad, kurangnya penglibatan yang menyeluruh daripada pimpinan dan *nuqabā'* dalam program *tarbiyah*, agenda *tarbiyah* kurang dibincangkan dalam mesyuarat, tiada perancangan strategik program *tarbiyah*, kekurangan *murabbī* dan tenaga penggerak, tidak mengikut sepenuhnya sukatan *tarbiyah* PAS Pusat, *murabbī* bukan daripada kalangan warga tempatan dan kelemahan pimpinan PAS kawasan dan Lajnah Tarbiyah dan Kepimpinan.